FAMA sedia beli RM2.70 sekilogram

Article Details

Date	30 Jun 2026	Ad Value	MYR 20,843
Media	Harian Metro	PR Value	MYR 62,530
Journalist	N/A	Spokespersons	-
Sentiment	Neutral	Topic	• FAMA
Page Number	3		
Article Color	Colour		

INISIATIF JIKA HARGA DURIAN JATUH BAWAH RM1

FAMA sedia beli RM2.70 sekilogram

Alor Setar: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bersedia melaksanakan intervensi pembelian durian kampung pada harga RM2.70 sekilogram sekiranya harga di peringkat ladang jatuh di bawah RM1 sekilogram akibat lebihan bekalan di negeri ini.

Pengarah FAMA negeri, Shaiful Azhar Zolkipli, berkata setakat ini harga durian kampung di peringkat ladang masih berada antara RM1 hingga RM4 sekilogram.

Katanya, langkah itu memberi tumpuan kepada pekebun dan usahawan yang mempunyai kontrak dengan FAMA bagi memastikan mereka terus memperoleh pulangan munasabah sepanjang musim pengeluaran.

> **“ Ketika ini harga masih RM1 hingga RM4 sekilogram**
> **Shaiful**

beri tekanan kepada harga di peringkat ladang.

Bagi mengelakkan lambakan hasil, katanya, FAMA menyediakan pelbagai saluran pemasaran termasuk membuka kira-kira 20 pusat jualan sementara selain memanfaatkan tiga Pusat Operasi FAMA di Alor Setar, Sungai Petani dan Langkawi.

“Petani boleh menjual terus kepada pengguna tanpa dikenakan sewa tapak sekali gus mengurangkan kos pengangkutan serta memperluaskan pasaran mereka.

“FAMA turut memanfaatkan Pusat Memproses Buah FAMA di Sungai Petani bagi memproses lebihan durian kepada pes durian, durian sejuk beku dan tempoyak sekiranya

ran durian.

"Jika harga ladang jatuh bawah RM1 sekilogram, FAMA akan membeli durian kampung pada harga RM2.70 sekilogram melalui mekanisme intervensi yang telah ditetapkan.

"Ketika ini harga masih dalam lingkungan RM1 hingga RM4 sekilogram, jadi intervensi harga belum dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan di Sekolah Kebangsaan Jalan Pegawai, di sini, semalam.

Shaiful Azhar berkata, musim pengeluaran durian yang berlaku serentak di kawasan utama seperti Yan, Baling dan Sik menyebabkan berlaku lebihan bekalan sehingga memhasil tidak dapat dipasarkan segar," katanya.

Beliau berkata, tumpuan intervensi ketika ini adalah terhadap durian kampung kerana harga durian klon seperti Musang King dan Duri Hitam masih stabil dengan permintaan yang baik.

Katanya, harga durian klon masih sekitar RM10 hingga RM15 sekilogram dan permintaannya masih tinggi.

Sementara itu, beliau berkata FAMA mengunjurkan pembelian sebanyak 1,000 tan buah-buahan bermusim tahun ini dengan nilai keseluruhan RM7 juta.

"Sehingga kini, sebanyak 142.7 tan dibeli secara langsung oleh FAMA dengan nilai sebanyak RM1.1 juta," katanya.

Alor Setar: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bersedia melaksanakan intervensi pembelian durian kampung pada harga RM2.70 sekilogram sekiranya harga di peringkat ladang jatuh di bawah RM1 sekilogram akibat lebihan bekalan di negeri ini. Pengarah FAMA negeri, Shaiful Azhar Zolkipli, berkata setakat ini harga durian kampung di peringkat ladang masih berada antara RM1 hingga RM4 sekilogram. Katanya, langkah itu memberi tumpuan kepada pekebun dan usahawan yang mempunyai kontrak dengan FAMA(bagi memastikan mereka terus memper- (oleh pulangan munasabah sepanjang musim pengeluaran durian. "Jika harga ladang jatuh bawah RM1 sekilogram, FAMA akan membeli durian kampung pada harga RM2.70 sekilogram melalui mekanisme intervensi yang telah ditetapkan. "Ketika ini harga masih dalam lingkungan RMi hingga RM4 sekilogram,jadi intervensi harga belum dilaksanakan," katanya. Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan di Sekolah Kebangsaan Jalan Pegawai, di sini, semalam. Shaiful Azhar berkata, musim pengeluaran durian yang berlaku serentak di kawasan utama seperti Yan, Baling dan Sik menyebabkan berlaku lebihan bekalan sehingga memberi tekanan kepada harga di peringkat ladang. Bagi mengelakkan lambakan hasil, katanya, FAMA menyediakan pelbagai saluran pemasaran termasuk membuka kira-kira 20 pusat jualan sementara selain memanfaatkan tiga Pusat Operasi FAMA di Alor Setar, Sungai Petani dan Langkawi. "Petani boleh menjual terus kepada pengguna tanpa dikenakan sewa tapak sekali gus mengurangkan kos pengangkutan serta memperluaskan pasaran mereka. -. "FAMAturut memanfaatkan Pu-L sat Memproses Buah FAMA di Sungai Petani bagi)/ memproses lebihan durian kepada pes durian, durian sejuk beku dan tempoyak sekiranya hasil tidak dapat dipasarkan segar," katanya. Beliau berkata, tumpuan intervensi ketika ini

adalah terhadap durian kampung kerana harga durian klon seperti Musang King dan Duri Hitam masih stabil dengan permintaan yang baik. Katanya, harga durian klon masih sekitar RM10 hingga RM15 sekilogram dan permintaannya masih tinggi. Sementara itu, beliau berkata FAMA mengunjurkan pembelian sebanyak 1,000 tan buah-buahan bermusim tahun ini dengan nilai keseluruhan RM7 juta. "Sehingga kini, sebanyak 142.7 tan dibeli secara langsung oleh FAMA dengan nilai sebanyak RM1.1 juta," katanya. "Ketika ini harga masih RMI hingga RM4 sekilogram Shaiful"